

Alkitab untuk Anak-anak
memperkenalkan

Anak
kesayangan
menjadi
hamba



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Byron Unger dan Lazarus

Disadur oleh: M. Kerr dan Sarah S; Alastair P.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children

www.M1914.org

©2020 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.




Ishak sangat gembira. Yakub anaknya telah pulang. Malah Esau yang pernah bersumpah untuk membunuh Yakub mengalukan kepulangannya. Tetapi anak-anak Yakub tidak gembira kerana Yusuf, adik mereka, adalah kegemaran bapa mereka.




Abang-abang Yusuf menjadi lebih marah apabila dia memberitahu mereka tentang mimpinya. "Berkas gandum saya berdiri tegak dan berkas kamu semua tunduk dengan hormatnya kepada berkas saya," kata Yusuf. Mimpi ini bermakna Yusuf akan menjadi lebih penting daripada abang-abangnya.



Di dalam mimpi Yusuf yang kedua, matahari, bulan dan bintang sujud kepadanya. Malah bapanya Yakub marah kepadanya kerana meletakkan dirinya di atas ibu bapa dan abang-abangnya.



Sesuai hari Yakub menghantar Yusuf ke kawasan pengembalaan abang-abangnya. Dari jauh, mereka nampak dia datang. "Mari kita bunuh pemimpi ini," mereka merungut. Yusuf tidak tahu akan rancangan jahat mereka.



Ruben, abang sulung tidak setuju. "Kita tidak boleh menumpahkan darah," katanya. "Lihat, di sini ada sebuah lubang. Biarlah dia mati di sana!" Ruben merancang untuk menyelamatkan Yusuf pada waktu malam nanti.



Apabila Yusuf tiba, abang-abangnya menangkapnya dan menanggalkan jubah berwarna-warni Yakub yang dibuat khas untuk anak kegemarannya. Kemudian mereka mencampakkannya ke dalam lubang besar itu.




Semasa Ruben tidak ada di sana, kafilah unta yang dalam perjalanan ke Mesir berhampiran mereka. "Mari kita jual Yusuf," kata Yehuda, abangnya. Perjanjian itu dibuat.



Mereka menjual Yusuf untuk dua puluh keping perak.





Dalam ketakutan, Yusuf menangis kerana dia tidak berdaya untuk membuat apa-apa bila dia dibawa pergi dari keluarga dan tanah airnya.



"Adakah ini jubah Yusuf? Ia dipenuhi dengan darah. Kami menjumpainya di padang pasir."





Abang-abang
kejam membuat
Yakub percaya
anak kegemarannya
telah diterkami
oleh binatang buas.
Yakub mengoyakkan
pakaianya dan
meratapi anaknya.
Tiada siapa
yang boleh
menghiburkannya.





Di Mesir, Yusuf mesti dalam ketakutan dan kesepian. Mungkin dia rindu kepada keluarganya. Tetapi dia tidak dapat melepaskan diri. Dia adalah seorang hamba di rumah Potifar, seorang pegawai Mesir yang penting. Potifar melihat bahawa Yusuf sentiasa bekerja keras dan boleh dipercayai.



Pada satu hari, Potifar memberitahu Yusuf, "Apa yang anda lakukan ternyata baik." "Allah adalah bersama dengan anda. Saya mahu anda menjadi ketua hambaku, bertanggungjawab bagi semua perniagaan dan mengawal semua hamba saya."



Allah memberi Potifar tuaian yang baik dan banyak kekayaan kerana Yusuf. Kini seorang lelaki yang penting, Yusuf masih mempercayai dan melayani Allah dengan setia. Tetapi masalah datang kepada Yusuf.



Isteri Potifar adalah seorang wanita yang jahat. Dia meminta Yusuf mengambil tempat suaminya. Yusuf menolak. Dia tidak akan berdosa kepada Tuhan dengan membuat salah kepada Potifar.




Apabila wanita itu cuba memaksa Yusuf, dia dapat melarikan diri tetapi jubahnya tertinggal di tangan wanita itu.




"Hamba awak menyerang saya," isteri Potifar mengadu. "Lihat, inilah jubahnya" Potifar marah. Mungkin dia tahu isterinya telah berbohong. Tetapi dia terpaksa melakukan sesuatu. Apa yang dia akan lakukan?



Potifar memasukkan Yusuf ke dalam penjara. Walaupun dia tidak bersalah, Yusuf tidak rasa pahit atau marah.





Mungkin dia telah belajar dari kesusahan, tidak kira di mana dia, asalkan dia menyembah Allah, Allah akan memuliakannya - walaupun dalam penjara.



Anak kesayangan menjadi hamba
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
Kejadian 37, Kejadian 39

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi
terang, memberi pengertian kepada
orang-orang bodoh." Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

